



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**4 OGOS 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **949 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **88,848 kes**. Sebanyak enam (6) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing dua (2) kes di Kota Kinabalu dan Tawau manakala satu (1) kes di Papar dan Sipitang. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 413 menjadikan jumlah kumulatif 79,205 orang. Seramai 4,508 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 994 orang di hospital, 3,458 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 48 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala lapan (8) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 117 orang dan 45 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Nabawan berubah dari zon kuning ke zon jingga

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 24 daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes positif COVID-19 Sabah pada hari ini ialah (949) kes iaitu penurunan sebanyak (61) kes berbanding (1,010) kes yang dicatatkan semalam (03 Ogos 2021). Jumlah kes baharu turun sedikit hari ini tetapi masih tinggi iaitu (949) kes.
- b. Daerah Kota Kinabalu mencatatkan penambahan kes yang tinggi, daripada (183) kes kelmarin kepada (260) kes hari ini dan (178) kes atau 68% adalah daripada Saringan Kontak Rapat. Kes baharu di Tawau juga naik kepada (138) kes iaitu penambahan sebanyak (48) kes berbanding semalam. Tuaran mencatat (102) kes dengan penambahan sebanyak (23) kes. Beaufort juga mencatatkan peningkatan kepada (62) kes setelah mencatatkan hanya (19) kes sahaja semalam, sebagaimana di Ranau yang tiada catatan kes semalam, melonjak semula kepada (27) kes hari ini. Semua daerah di Sabah mencatatkan kes baharu.
- c. Terdapat satu (1) kluster baharu hari ini, Kluster Tempasuk, Kota Belud (Kluster Komuniti) di mana kes indeks merupakan juruwang di sebuah bank yang menjangkiti kaum keluarga, penduduk kampung dan kontak rapatnya.
- d. Kontak rapat terus menjadi penyumbang utama iaitu sebanyak (570) kes atau 60.06% kepada jumlah kes keseluruhan dan (201) kes atau 21.18% datang daripada kategori Saringan Bergejala, yang berpunca daripada jangkitan sporadik. (74) kes lagi berpunca daripada Saringan Kluster Sedia Ada.
- e. Sejumlah 91.68% daripada kes-kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2. Kategori 1, iaitu (268) kes adalah mereka yang tidak mengalami sebarang simptom dan Kategori 2 iaitu sebanyak (602) kes sekadar mengalami simptom ringan (mild). Kedua kategori pesakit ini tidak perlu dimasukkan ke hospital untuk rawatan, sekadar ditempatkan di PKRC.
- f. Memandangkan Saringan Bergejala adalah tinggi iaitu 21.18% daripada kumulatif harian, adalah amat disarankan agar mereka yang mengalami selesema dan batuk segera membuat ujian swab bagi menentukan status kesihatan masing-masing. Tindakan ini dapat mengelak daripada menjangkiti orang lain sekiranya didapati positif.

- g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (570) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	74	7.80%
2	Bergejala	201	21.18%
3	Kontak Rapat	570	60.06%
4	Bersasar	49	5.16%
5	Lain-lain	55	5.80%
<b>JUMLAH</b>		<b>949</b>	<b>100%</b>

- b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (03 Ogos 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 03/08/2021</b>	<b>Catatan Kes 04/08/2021</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Kota Kinabalu	183	260	+77
2	Tawau	90	138	+48
3	Beaufort	19	62	+43
4	Ranau	0	27	+27
5	Tuaran	79	102	+23
6	Kota Belud	11	32	+21
7	Nabawan	3	12	+9
8	Telupid	14	16	+2
9	Tambunan	0	1	+1
10	Kinabatangan	92	23	-69
11	Sandakan	102	48	-54
12	Sipitang	53	5	-48
13	Tongod	27	3	-24
14	Kota Marudu	24	4	-20
15	Keningau	53	34	-19
16	Putatan	31	14	-17
17	Kuala Penyu	20	4	-16
18	Penampang	68	58	-10
19	Papar	45	37	-8
20	Lahad Datu	18	12	-6
21	Tenom	13	7	-6
22	Kudat	15	11	-4
23	Kunak	24	20	-4
24	Kalabakan	6	3	-3
25	Beluran	6	4	-2
26	Semporna	8	7	-1
27	Pitas	6	5	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>1,010</b>	<b>949</b>	<b>-61</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (21 Julai - 03 Ogos)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak Rapat	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	1	178	60	2	19	260	2483
Tawau	1	105	24	0	8	138	1097
Tuaran	0	41	28	29	4	102	859
Beaufort	0	56	6	0	0	62	725
Penampang	8	29	19	0	2	58	920
Sandakan	1	19	19	8	1	48	758
Papar	1	23	11	0	2	37	525
Keningau	6	20	5	0	3	34	544
Kota Belud	9	20	3	0	0	32	171
Ranau	13	9	1	3	1	27	242
Kinabatangan	11	10	1	0	1	23	354
Kunak	0	7	4	7	2	20	203
Telupid	12	4	0	0	0	16	221
Putatan	0	5	7	0	2	14	285
Lahad Datu	2	8	0	0	2	12	145
Nabawan	0	12	0	0	0	12	25
Kudat	5	4	0	0	2	11	198
Tenom	3	3	1	0	0	7	175
Semporna	0	2	2	0	3	7	57
Sipitang	0	3	2	0	0	5	510
Pitas	0	1	3	0	1	5	38
Kota Marudu	0	2	1	0	1	4	187
Kuala Penyu	0	4	0	0	0	4	96
Beluran	0	3	1	0	0	4	225
Tongod	1	0	2	0	0	3	118
Kalabakan	0	1	1	0	1	3	328
Tambunan	0	1	0	0	0	1	23
<b>JUMLAH</b>	<b>74</b>	<b>570</b>	<b>201</b>	<b>49</b>	<b>55</b>	<b>949</b>	<b>11,512</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Jalan Mat Salleh	1
Kudat	Kluster Jeti Kudat	5
Keningau	Kluster Gerbang Kauran	6
Penampang	Kluster Jalan Penampang	7
	Kluster Tembok Kota Kinabalu	1
Papar	Kluster Jalan Kebun Lama	1
Kota Belud	Kluster Tempasuk KB	9
Tenom	Kluster Sibulu	3
Ranau	Kluster Gunsapau	10
	Kluster Simpang 3 Ranau	3
Sandakan	Kluster Jalan Utara 2	1
Lahad Datu	Kluster Jalan Tungku	2
Tongod	Kluster Jalan Corak	1
Tawau	Kluster Lahat-Lahat	1
Kinabatangan	Kluster Bukit Mas	9
	Kluster Tinabau	2
Telupid	Kluster Gambaron 2	2
	Kluster Tembidong Bidong	10
<b>JUMLAH</b>		<b>74</b>

6 Terdapat **satu (1) kluster baharu** direkodkan hari ini.

**Kluster Tempasuk Kota Belud - Kota Belud** merupakan penularan COVID-19 dalam komuniti yang dipercayai berpunca daripada majlis pengebumian. Kes indeks merupakan juruwang wanita, 32, di sebuah bank disahkan positif PCR dengan CT value 18.51 pada 26 Julai 2021, setelah bergejala demam, sakit badan, sakit tekak, selsema dan batuk. Hasil pengesanan secara aktif dan saringan terhadap 159 kontak mendapati 29 kes positif COVID-19 termasuk sembilan (9) kes baharu hari ini. Semua 29 kes positif ini telah dirujuk ke hospital untuk rawatan lanjut dan pengasingan di Hospital Queen Elizabeth dan PKRC. Setakat ini, kontak-kontak rapat telah diarahkan kuarantin untuk pengasingan.

7 Jumlah kapasiti katil 6,645 unit

- Hospital 1,061 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,712 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 872 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 67.72%

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 04 OGOS 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	917
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	5
Orang Dalam Tahanan /Banduan	27
<b>Jumlah</b>	<b>949</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Selangor	1
Sarawak	1
Kelantan	2
Pahang	1
<b>Jumlah</b>	<b>5</b>

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	805
Bukan Malaysia	144
<b>Jumlah</b>	<b>949</b>

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	240
Belum Menerima Vaksin	523
Menerima Dos 1	102
Lengkap Dos 2	84
<b>Jumlah</b>	<b>949</b>

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	8
1 to 5	57
6 to 17	175
18 to 59	635
>60	74
<b>Jumlah</b>	<b>949</b>



### C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 04 Ogos 2021)
1	Kota Kinabalu	27
2	Tawau	16
3	Penampang	15
4	Keningau	14
5	Beaufort	14
6	Tuaran	13
7	Sandakan	11
8	Sipitang	9
9	Kudat	7
10	Papar	5
11	Kinabatangan	4
12	Kota Belud	3
13	Putatan	3
14	Ranau	3
15	Tenom	2
16	Kota Marudu	2
17	Telupid	2
18	Beluran	1
19	Kuala Penyu	1
20	Kunak	1
21	Lahad Datu	1
22	Tongod	1
<b>JUMLAH</b>		<b>155</b>

### D ISU PENGANJURAN MAJLIS SOSIAL DAN KENDURI TAHLIL

- 1 Para pemimpin masyarakat, ketua kampung dan ketua mukim digesa agar terus mengingatkan penduduk di kawasan masing-masing sama ada muslim atau bukan muslim supaya **TIDAK MENGADAKAN** sebarang majlis selepas pengebumian seperti kenduri, tahlil dan sebagainya.
- 2 Hal ini mustahak bagi mengelakkan penularan jangkitan yang berpotensi mencetuskan kluster baharu yang semakin meningkat ketika ini khususnya berkaitan penganjuran majlis sosial.
- 3 Orang ramai yang ingkar dan melanggar SOP dengan mengadakan majlis sosial ini, akan dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

## E PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Dua (2) Lokaliti di Daerah Kunak, Sabah <ul style="list-style-type: none"><li>Perumahan Ladang Mostyn</li><li>Kampung Kasnuri</li></ul>	6 Ogos 2021	19 Ogos 2021
2.	Kampung Kuala Mengalong, Sipitang, Sabah	6 Ogos 2021	19 Ogos 2021
3.	Dua (2) Lokaliti di Kota Kinabalu, Sabah <ul style="list-style-type: none"><li>Kampung Tanjung Aru Lama</li><li>Universiti Apartment 1</li></ul>	6 Ogos 2021	19 Ogos 2021

## F PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Kondominium One Borneo, Kota Kinabalu, Sabah	9 Julai 2021	Ditamatkan pada 5 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
2.	Kampung Istimewa, Batu Sapi, Sandakan, Sabah	9 Julai 2021	Ditamatkan pada 5 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan

3.	Taman Merpati, Sandakan, Sabah	23 Julai 2021	Ditamatkan pada 5 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
----	--------------------------------	---------------	---

## G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **39,120** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 900,391 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula, **7,720** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 357,063 orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 12,182 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 1,221,465 (Mysejahtera 1,137,404: Laman Web 83,802: Talian Vaksinasi 259) bersamaan 44.3%.

## H BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **375,322** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 207 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 42,247 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 172 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 77 hebahan melalui kereta peronda dan satu (1) tangkapan dibuat.

- 2           Sebanyak 33 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- Tiga (3) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
  - Dua (2) Orang : Pergerakan Keluar Masuk Kawasan PKPD
  - 11 Orang : Gagal Memakai Pelitup Muka
  - Satu (1) Orang : Gagal Menyediakan Peralatan Bagi Merekod Butiran Diri Pelanggan/*Scan Suhu/Hand sanitizer*
  - Tiga (3) Orang : Rentas Daerah/Negeri Tanpa Kebenaran
  - 10 Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
  - Tiga (3) Orang : Keluar Rumah Tanpa Alasan Munasabah
- 3           Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 85 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 33 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan.
- 4           Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i    Sebanyak 1,140 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
  - ii   Sebanyak enam (6) notis telah dikeluarkan oleh PBT iaitu empat (4) di daerah Keningau dan dua (2) di daerah Kudat.
  - iii   Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 168 premis perniagaan dan 285 individu di 18 kawasan. Dua (2) kompaun dikenakan kepada individu atas kesalahan gagal mendaftar masuk ke premis sama ada guna Aplikasi Mysejahtera atau Buku Pendaftaran di C n F Enterprise Sdn. Bhd. (1 orang) dan STF Agriculture Sdn. Bhd (1 orang). Selain itu, Satu (1) kompaun dikenakan atas individu kerana tidak memakai pelitup muka / tidak memakai pelitup muka dengan betul (1 orang) di ruang terbuka Bornion. Tiada kompaun dikenakan atas premis.
- 5           Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 425 Premis Perniagaan melibatkan 186 anggota APM. Sebanyak tiga (3) Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikut SOP.

- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 82 anggota di 109 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 28 premis, melibatkan 16 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 258 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 12 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 170 hebahan di seluruh Sabah.

**J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.8%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Kinabalu	96.5%
2	Kota Belud	96.5%
3	Semporna	96%
4	Kunak	96%
5	Tenom	96%
6	Beluran	96%
7	Beaufort	96%
8	Ranau	96%
9	Sandakan	96%
10	Kota Marudu	96%
11	Papar	96%
12	Sipitang	95.5%
13	Kinabatangan	95.5%
14	Penampang	95.5%
15	Tuaran	95.5%
16	Keningau	95.5%
17	Tawau	95.5%
18	Kudat	95%
19	Lahad Datu	95%

- 2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#MenangBersama**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**